

**HUBUNGAN KATEGORI MASALAH DENGAN DEMOGRAFI DI ANTARA PELAJAR
TAHUN SATU SESI 2008/2009 YANG TINGGAL DI KOLEJ TUN HUSSEIN ONN,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA, SKUDAI JOHOR.**

Syed Mohammed Syafeq Bin Syed & Welferd Bin Bakait
Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak: Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti kategori-kategori masalah yang dihadapi oleh pelajar tahun satu sesi 2008/2009 yang tinggal di Kolej Tun Hussein Onn, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor Baharu. Kajian ini juga bertujuan untuk mengenalpasti masalah yang mengganggu dari segi demografi (jantina, fakulti, bangsa dan kelayakan masuk universiti). Seramai 210 orang pelajar yang terdiri daripada 99 orang pelajar lelaki dan 111 orang pelajar perempuan yang diperolehi secara rawak berlapis. Instrumen kajian yang digunakan ialah 'Senarai Semak Masalah Pelajar' (SSMP) yang dibangunkan oleh Syed Shafeq 2008. Data yang diperolehi diproses menggunakan 'Statistical Packages for the Social Science' (SPSS 11.5 Window). Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat tiga masalah yang paling mengganggu iaitu sub skala pelajaran dan kerjaya masa depan (58.66%), masalah kegiatan sosial dan rekreasi (55.90%) dan masalah moral dan agama (49.08%). Kategori masalah yang kurang mengganggu pula adalah berkaitan rumahtangga dan kekeluargaan (39.41%), perhubungan psikologi sosial (37.00%) dan masalah kesihatan dan pertumbuhan jasmani (26.90%). Dari segi demografi mengikut jantina, tidak terdapat perbezaan masalah yang dihadapi oleh pelajar iaitu masalah penyesuaian dan kerjaya masa depan dengan peratus masing-masing, lelaki (52.76%) dan perempuan (63.92%). Dari segi demografi mengikut bangsa, terdapat perbezaan masalah yang paling mengganggu iaitu Melayu menghadapi masalah penyesuaian dan kerjaya masa depan (57.03%), manakala Cina dan India pula adalah sama iaitu masalah kegiatan sosial dan rekreasi dengan peratus masing-masing (58.23%) dan (57.41%). Dari segi demografi mengikut fakulti juga terdapat perbezaan masalah yang dihadapi oleh mahasiswa mengikut fakulti iaitu bagi FPPSM, menghadapi masalah kegiatan sosial dan rekreasi (60.85%), mahasiswa FP menghadapi masalah moral dan agama (51.42%), bagi mahasiswa FKA dan FSKSM pula menghadapi masalah yang sama iaitu masalah penyesuaian dan kerjaya masa depan dengan peratus masing-masing (57.57%) dan (68.98%). Dari segi demografi mengikut kelayakan masuk universiti pula terdapat perbezaan iaitu bagi lepasan Diploma dan Matrikulasi menghadapi masalah yang sama iaitu masalah penyesuaian dan kerjaya masa depan dengan peratus masing-masing (57.03%) dan (63.04%), dan lepasan STPM pula menghadapi masalah kegiatan sosial dan rekreasi (59.35%). Beberapa cadangan bagi mengatasi masalah dikemukakan di dalam kajian ini.

Abstract: This study is carried out to identify problem categories faced by first year student for 2008/2009 session that stay in Kolej Tun Hussein Onn, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor Baharu. The purpose of this study also is to identify the problem faced by students in demographic aspect (sex, faculty, race and qualification for entering university). As many as 210 students which comprises of 99 male student and 111 female student achieved at random layered. Instrument used in this study was 'Senarai Semak Masalah Pelajar' (SSMP) developed by Syed Shafeq 2008. Data achieved was processed use 'Statistical Packages for the Social Science' (SPSS 11.5 Window). Result of this study showed that there is three problems most intrude namely future education and career sub scale (58.66%), social activity and recreation problem (55.90%), and moral and religion problem (49.08%). Problem category just break in on at a little is related household and family (39.41%), social psychology relationship (37.00%), and health problem and physical growth (26.90%). From demographic aspect according to gender, there were no problem difference faced by student namely adaptation and future career problem, with percent respectively, men (52.76%) and woman (63.92%). From demographic aspect according to race, there were problem difference most break in on which Malay face adaptation and future career

problem (57.03%), while Chinese and India face same problem which are social activity and recreation problem with percent respectively (58.23%) and (57.41%). From demographic aspect follow by faculty also found there were problem difference faced by student that is for FPPSM, facing social activity and recreation problem (60.85%), FP student facing moral and religion problem (51.42%), meanwhile for FKA and FSKSM they face same problem namely adaptation problem and future career with percent respectively (57.57%) and (68.98%). From demographic aspect follow by qualification to entering university also had been differences. For Diploma and Matriculation graduate, they faces same problem namely adaptation and future career problem with percent respectively (57.03%) and (63.04%). This different with STPM graduate that they face social activity and recreation problem (59.35%). Some suggestions to overcome the problem addressed in this study.

Katakunci: demografi, masalah, pelajar

Pengenalan

Pihak universiti amat menitik beratkan penghasilan produk-produk yang berkualiti. Produk yang dimaksudkan di sini adalah melahirkan mahasiswa-mahasiswa yang berkualiti dan seiring dengan falsafah pendidikan untuk melahirkan insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, intelektual dan sosial atau lebih dikenali sebagai JERIS. Pihak universiti telah mensasarkan setiap mahasiswa yang dilahirkan merupakan generasi yang mempunyai sahsiah yang cemerlang, kompetatif dan juga kreatif.

Oleh itu, kajian secara analisis amat penting dijalankan bagi melihat sebahagian daripada masalah yang dihadapi oleh mahasiswa. Justeru itu, sasaran oleh pihak universiti untuk menghasilkan graduan yang berketrampilan dan memenuhi keperluan aspirasi negara akan dapat dicapai kelak.

Pernyataan Masalah

Kajian ini dijalankan bagi mengenalpasti kategori masalah yang dihadapi oleh mahasiswa tahun satu sesi 2008/2009 yang tinggal di Kolej Tun Hussein Onn.

Kepentingan Kajian

Kajian ini sangat penting bagi mengenalpasti masalah-masalah yang boleh mengganggu mahasiswa tahun satu sesi 2008/2009 di Kolej Tun Hussein Onn serta kaitannya dengan demografi (Jantina, Bangsa, Fakulti dan Kelayakan Masuk ke Universiti) mahasiswa sewaktu mengikuti pengajian di Universiti Teknologi Malaysia.

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti punca-punca masalah berdasarkan beberapa kategori yang dihadapi oleh mahasiswa-mahasiswa tahun satu sesi 2008/2009 yang tinggal di Kolej Tun Hussein Onn. Hasil kajian ini boleh dijadikan sebagai satu panduan bagi pihak kolej, fakulti, Universiti, pengkaji lain, masyarakat, badan bukan kerajaan dan ibu bapa dalam usaha membantu mahasiswa menyelesaikan masalah yang dihadapi agar mereka dapat meningkatkan prestasi akademik serta membina keterampilan yang lebih baik bagi memenuhi sasaran Universiti bagi melahirkan graduan yang cemerlang dalam pelbagai aspek dan sekaligus menaikkan imej universiti di mata masyarakat dan juga di mata dunia secara amnya.

Objektif Kajian

Secara keseluruhannya, objektif kajian ini adalah untuk meninjau kategori masalah di kalangan mahasiswa tahun satu sesi 2008/2009 yang tinggal di Kolej Tun Hussein Onn, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor. Objektif kajian ini secara amnya pula adalah bertujuan untuk:

1. Mengenalpasti kategori masalah yang dihadapi oleh mahasiswa tahun satu sesi 2008/2009 yang tinggal di Kolej Tun Hussein Onn.
2. Mengenalpasti kategori masalah dengan demografi (Jantina, Bangsa, Fakulti dan Kelayakan Masuk ke Universiti)

Metodologi

Subjek Kajian

Populasi di dalam kajian ini terdiri daripada mahasiswa yang menetap di Kolej Tun Hussein Onn (KTHO), Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor. Proses persampelan di dalam kajian ini dijalankan ke atas sample yang diambil berdasarkan rawak berlapis tanpa mengira kursus dan umur. Kaedah persampelan jenis ini dipilih kerana pengedaran borang soal selidik mudah dilaksanakan. Bilangan sample yang diambil adalah seramai 210 daripada 460 orang pelajar tahun satu sesi 2008/2009. Berdasarkan kepada Jadual Saiz Sample yang dikemukakan oleh Krejcie R.V. dan Morgan D.W. Determing (1970) (sila rujuk lampiran), jumlah sample yang diperlukan adalah 210.

Instrumen Kajian

“Senarai Semak Masalah Pelajar” (SSMP), merupakan alat kajian yang digunakan dalam penyelidikan ini. Syafeq telah membangunkan alat ini pada tahun 2008. Di dalam SSMP mengandungi masalah-masalah yang biasa di kalangan pelajar-pelajar, fungsi utama alat ini adalah untuk mengesan masalah yang sering dihadapi oleh pelajar. Soal selidik dibahagi kepada dua bahagian iaitu:

Bahagian A – Biodata (data peribadi) sampel

Bahagian B – 11 kategori masalah

1. Alat Ukur Bahagian A (Biodata)

Bahagian ini mengandungi 4 soalan yang berkaitan dengan jantina, fakulti, bangsa dan kelayakan masuk universiti.

2. Alat Ukur Bahagian B (Kategori Masalah)

Senarai Semak Masalah Pelajar (SSMP) mengandungi 11 kategori masalah, ia merupakan alat kajian yang digunakan sebagai alat ukur dalam penyelidikan masalah yang dihadapi oleh pelajar. Bahagian ini mengandungi 11 kategori masalah. Responden diminta menandakan (/) kategori masalah yang mengganggu mereka.

Keputusan

Dari hasil kajian ini, keputusan menunjukkan bahawa kategori masalah yang paling mengganggu mahasiswa-mahasiswa tahun satu sesi 2008/2009 di Kolej Tun Hussein adalah masalah pelajaran dan kerjaya masa depan (58.66%). Dari segidemografi, mahasiswa lelaki dan perempuan menghadapi masalah yang sama iaitu masalah yang berkaitan dengan pelajaran dan kerjaya masa depan, dimana mahasiswa lelaki (52.76%) dan mahasiswa perempuan (63.29%). Masalah yang dihadapi mahasiswa bangsa Melayu adalah berkaitan pelajaran dan kerjaya masa depan (63.03%), Cina, India dan Bumiputera pula masalah berkaitan masalah kegiatan sosial dan rekreasi dengan peratus keseluruhan (58.23%), (57.41%) dan (61.48%). Masalah yang dihadapi oleh mahasiswa mengikut fakulti adalah FPPSM berkaitan masalah kegiatan sosial dan rekreasi (60.85%), FKA dan FSKSM adalah sama iaitu masalah berkaitan pelajaran

dan kerjaya masa depan dengan peratus masing-masing (57.57%) dan (68.98%). Manakala mahasiswa FP pula menghadapi masalah berkaitan moral dan agama (51.42%). Masalah mahasiswa mengikut kelayakan masuk universiti pula adalah berkaitan pelajaran dan kerjaya masa depan bagi lepasan Diploma (57.03%) dan Matrikulasi (63.04) dan lepasan STPM pula adalah masalah berkaitan kegiatan sosial dan rekreasi (59.35%).

Perbincangan

Perbincangan dapatan kajian secara umum

Dapatan kajian daripada Bab Empat menunjukkan kategori masalah yang paling mengganggu mahasiswa-mahasiswa secara keseluruhannya adalah kategori masalah pelajaran dan kerjaya masa depan (58.66%). Item-item yang mengganggu mahasiswa dalam kategori ini adalah masalah perlu merancang untuk masa depan (82.4%) (194), masalah perlu informasi tentang pekerjaan (77.6%) (199) dan masalah memikirkan samada akan berjaya dalam hidup (77.1%) (193). Hasil kajian ini sama dengan hasil kajian yang dilakukan oleh Ismail bin Ahmad (2000), Rosdi Yahya (2000), Akla bin Su (2004), Tan Hong Goon (2004) dan Rozaidah (2005) iaitu masalah yang paling mengganggu adalah kategori masalah pelajaran dan kerjaya masa depan. Ini mungkin disebabkan oleh kurangnya program berkaitan kerjaya dianjurkan oleh pihak universiti atau pihak-pihak tertentu bagi mendedahkan tentang kerjaya kepada mahasiswa. Mahasiswa juga mungkin kurang aktif melibatkan diri dalam program berkaitan kerjaya yang dianjurkan. Hasil kajian ini pula tidak sama dengan hasil kajian Lai Kuan Seng (1996), Ahmad Tulka (1997), Zaman Shah (1997), Zamani (1997) dan Norshamsul Azlan (1997) dengan masalah tertinggi iaitu kategori masalah kewangan.

Perbincangan dapatan kajian dari segi demografi (Jantina, Bangsa, Fakulti dan Kelayakan Masuk ke Universiti)

Keputusan kajian mengikut jantina menunjukkan bahawa kategori masalah yang paling mengganggu mahasiswa adalah sama iaitu masalah pelajaran dan kerjaya masa depan dengan peratus keseluruhan bagi mahasiswa lelaki adalah (52.76%) dan mahasiswa perempuan (63.29%). Keputusan kajian ini berbeza dengan hasil kajian yang dilakukan oleh Annie Suziana Kamarudin (2007) dimana masalah yang dihadapi dalam kajiannya adalah masalah penyesuaian terhadap kerja-kerja dalam bilik kuliah.

Keputusan kajian mengikut bangsa menunjukkan bahawa kategori masalah yang paling mengganggu mahasiswa adalah pelajaran dan kerjaya masa depan bagi Melayu dengan peratus keseluruhan (63.03). Manakala bagi bangsa Cina dan India adalah sama iaitu masalah kegiatan sosial dan rekreasi dengan peratus masing-masing (58.23%), (57.41%).

Keputusan kajian mengikut fakulti menunjukkan bahawa kategori masalah yang paling mengganggu mahasiswa dari FPPSM adalah masalah kegiatan sosial dan rekreasi (60.85%), mahasiswa dari FKA dan FSKSM adalah sama iaitu pelajaran dan kerjaya masa depan dengan peratus masing-masing (57.57%) dan (68.98%). Manakala mahasiswa dari FP pula mengalami masalah moral dan agama (51.42%). Hasil kajian yang dijalankan oleh Annie Suziana Kamarudin (2007) pula menunjukkan masalah penyesuaian terhadap kerja-kerja bilik kuliah yang dihadapi oleh mahasiswa FPPSM, FKA, FP dan FSKSM.

Keputusan kajian mengikut kelayakan masuk universiti menunjukkan bahawa kategori masalah yang paling mengganggu mahasiswa lepasan Diploma dan Matrikulasi adalah masalah pelajaran dan kerjaya masa depan dengan peratus (57.03%) dan (63.04%). Bagi lepasan STPM pula, masalah yang mengganggu mereka adalah masalah moral dan agama (59.35%). Keputusan kajian yang diperolehi adalah berbeza dengan hasil kajian yang dijalankan oleh Chan Chee Kiong (2007) dimana lepasan STPM menghadapi

masalah pelajaran dan kerjaya masa depan dan lepasan Diploma pula menghadapi masalah dalam kategori sosial dan rekreasi.

Rumusan

Dari hasil kajian ini, keputusan menunjukkan bahawa kategori masalah yang paling mengganggu mahasiswa-mahasiswa tahun satu sesi 2008/2009 di Kolej Tun Hussein adalah masalah pelajaran dan kerjaya masa depan (58.66%). Dari segi demografi, mahasiswa lelaki dan perempuan menghadapi masalah yang sama iaitu masalah yang berkaitan dengan pelajaran dan kerjaya masa depan, dimana mahasiswa lelaki (52.76%) dan mahasiswa perempuan (63.29%). Masalah yang dihadapi mahasiswa bangsa Melayu adalah berkaitan pelajaran dan kerjaya masa depan (63.03%), Cina dan India pula masalah berkaitan masalah kegiatan sosial dan rekreasi dengan peratus keseluruhan (58.23%) dan (57.41%). Masalah yang dihadapi oleh mahasiswa mengikut fakulti adalah FPPSM berkaitan masalah kegiatan sosial dan rekreasi (60.85%), FKA dan FSKSM adalah sama iaitu masalah berkaitan pelajaran dan kerjaya masa depan dengan peratus masing-masing (57.57%) dan (68.98%). Manakala mahasiswa FP pula menghadapi masalah berkaitan moral dan agama (51.42%). Masalah mahasiswa mengikut kelayakan masuk universiti pula adalah berkaitan pelajaran dan kerjaya masa depan bagi lepasan Diploma (57.03%) dan Matrikulasi (63.04) dan lepasan STPM pula adalah masalah berkaitan kegiatan sosial dan rekreasi (59.35%).

Rujukan

- Abdul Farah dan Mohd. Majid Konting (1993). "Memahami Penyelidikan Pendidikan Satu Pengenalan." Serdang: Penerbit UPM.
- Atan Long (1978). "Psikologi Pendidikan." Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bakhitar Mansor (1993). "Panduan Pelaksanaan Bimbingan dan Kaunseling Di Sekolah Menengah." Kuala Lumpur: Unit Bimbingan dan Kaunseling Bahagian Sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Crow and Crow (1983). "Psikologi Pendidikan Untuk Perguruan." Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ee Ah Meng (1994). "Psikologi Dalam Bilik Darjah." Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn.Bhd.
- Hasan Mohd Ali (1996). "Strategi Belajar Yang Berkesan." Kuala Lumpur: Utusan Publication and Distributors Sdn Bhd.
- Hassan Langgulung (1975). "Perkhidmatan Pelajar-pelajar Di Sekolah-sekolah Malaysia." Jurnal Pendidikan, 2. 1-9.
- Ilyana bt Ghazali (2007). "Hubungan Kategori Masalah Dengan Demografi Di Antara Pelajar Yang Tinggal Di Kolej Tunku Canselor, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor." Projek Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia.
- Ismail Bin Ahmad (2000). "Satu Tinjauan Mengenai Kategori-kategori Masalah di Kalangan Pelajar-pelajar Sekolah Menengah Daerah Johor Bahru. Johor." Projek Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.

- Krejcie, R.V. and Morgan, D.W (1970). Determining Sample Size For Research Activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30, 607-610.
- Mohd Majid Konting (2000). "Kaedah Penyelidikan Pendidikan." Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Yusuf Arshad (1996). "Belajar Sehingga Berjaya." Kuala Lumpur : Pustaka Antara Sdn.Bhd.
- Mohamad Najid Abdul Ghafar (1996). "Penyelidikan Pendidikan." Johor: Penerbit UTM.
- Norshamsul Azlan Mohd Nor (1997). "Masalah-masalah Pelajar Kemasukan Tahun 2 SPA Di UTM Satu Tunjauan." Projek Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia.
- Noriasah Osman Teng (2006). Tinjauan Kategori Masalah Dengan Demografi di Kalangan Pelajar Tahun Satu Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia berasaskan "Mooney Problem Check List." Projek Sarjana Muda, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (1997). "Laporan Jawatan Kuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran." Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.